

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 29 SEPTEMBER 2014 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	PPG-MOSTI lahirkan karyawan profesional	KOSMO

# PPG-MOSTI lahirkan karyawan profesional

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR dan  
NUZULSHAM SHAMSUDDIN  
berita@kosmo.com.my

**SUNGKAI** - Perkampungan Penulis Gapena-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (PPG-MOSTI) bukan sahaja memberi pendedahan terhadap penghasilan karya sastera, namun ia membina jati diri dan semangat patriotisme kepada 60 pesertanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Felda Trolak itu dilihat mampu menjadi platform melahirkan lebih ramai karyawan dalam kalangan profesional dan intelektual.

Seorang penceramah, Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin berkata, pembinaan jati diri dan semangat patriotik dalam kalangan pelajar aliran sains dapat dipupuk melalui pendekatan sebegini.

"Pendekatan yang digunakan pula lebih kepada kaedah *reverse psychology* iaitu menimbulkan minat pelajar terhadap karya sastera sebelum membawa mereka menghayati setiap hasil penulisan itu," kata Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris itu di sini semalam.

Sementara itu di **Melaka**, seorang penceramah, Mahaya Mohd. Yassin memberitahu, rata-rata peserta yang menyertai program berkenaan di MRSM Terendak mempunyai bakat dalam penulisan sastera yang dihasilkan sendiri.



PARA peserta dan guru merakamkan gambar kenangan selepas mengikuti program PPG-MOSTI di MRSM Felda Trolak, Sungkai semalam.

"Selama tiga hari program berlangsung, mereka begitu 'bekerja kuat' dalam mencipta hasil kerja tangan masing-masing melalui puisi-puisi yang begitu menyentuh hati.

"Apa yang boleh saya katakan, bukan mudah untuk mengarang sebuah puisi yang menyentuh jiwa apatah lagi kebanyakan peserta adalah daripada aliran sains," katanya.

Bagi seorang peserta, **Nur Amalia Salleh**, 16, dari Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gopeng berkata, dia berasa bertuah menghadiri program PPG-MOSTI kerana dapat menguasai pelbagai kosa kata yang membantunya

**MOSTI**



menghadapi peperiksaan nanti. "Menerusi program ini, saya dapat menghayati dan sedar keunikan adat serta budaya di samping nilai-nilai yang disampaikan melalui puisi-puisi yang dihasilkan," ujarnya.

Pelajar MRSM Tun Ghafar Baba di Jasin, **Atikah Johari**, 16, pula memberitahu, program yang dianjurkan itu sangat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar khususnya dalam aliran sains.

Apa yang penting, melalui usaha yang bersungguh-sungguh, ia mampu membuahkan hasil yang baik walaupun bukan dalam bidang yang dipelajari," katanya.